

20/05/1997

Buang sisa klinikal di Bukit Rambai

MELAKA, Isnin - Semua hospital serta klinik swasta di kawasan Lembah Klang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor diberi amaran menghentikan segera pembuangan sisa klinikal yang tidak teratur jika tidak mahu dikenakan tindakan undang-undang.

Ini berikutan perkhidmatan loji pelupusan sisa klinikal yang diswastakan oleh kerajaan bagi kawasan Lembah Klang dan Zon Selatan, sudah didirikan oleh Tongkah Medivest Sdn Bhd di Bukit Rambai di sini, dengan memulakan operasi sejak Disember lalu.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Abu Bakar Daud, berkata kementerianya menyedari memang ada hospital serta klinik swasta yang tidak menjaga sisa klinikal iaitu melupuskannya dengan pelbagai cara, termasuk ditanam.

Katanya, ini mendedahkan buangan klinikal seperti tisu manusia, darah, najis, dadah, jarum suntikan serta ubat yang habis tempoh kepada orang ramai apabila tidak dilupuskan secara teratur.

"Buangan klinikal ini perlu dilupuskan di loji supaya kawasan persekitaran hospital atau klinik bertambah baik di samping dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai," katanya kepada pemberita selepas mewakili Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding merasmikan loji pelupusan sisa klinikal Tongkah Medivest di Bukit Rambai dekat sini, petang ini.

Antara yang turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Yasin Sarip dan Pengerusi Eksekutif serta Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Tongkah, Mokhzani Mahathir.

Abu Bakar berkata, hospital atau klinik swasta yang didapati melupuskan buangan klinik tidak teratur boleh didenda sehingga RM100,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali, mengikut Seksyen 34 Akta Kualiti Alam Sekeliling.

(END)